

1. **Pengarang :** Hj. Mohd Kharir Bin Hj. Ibrahim.
2. **Pengerusi :** Hj. Wan Mohd Hujjatullah, Hj. Wan Ghazali, Ketua Jabatan Pengajian Am, PPD.
3. **Ketua Editor & Rekabentuk :** En. Shamsul Johari Shaari. (Unit Senibina)
4. **Editor :**
- 4.1. Hj. Sabarudin Hj. Yeop Hamza (Pro)
 - 4.2. Pn. Nurafikah Seman (JKA)
 - 4.3. En. Mohd Shah Rizan Nizam Abd Manap (JKE)
 - 4.4. En. Abdul Malik Abd Manap (JKM)
 - 4.5. En. Mohd Fouzi bin Mustafa (JP)
 - 4.6. Cik Siti Nuradibah Adros. (JMSK)
 - 4.8. Cik Masniza Monsor (JPA)
 - 4.9. En. Mohd Solehuddin Lebai Mohd Salihin (Unit Sukan)
 - 5.0. En. Shukeri Mohamad Ros (JKKQ)
 - 5.1. Pn. Noriza Mohd Piah (Pentadbiran)
 - 5.2. En. Muhammad Hafiz Haidzir (JPP)
 - 5.3. Noriza Mohd Nordin (Per pustakaan)
 - 5.4. En. Al-Mokhlis Abd rahman (UPIM)
 - 5.5. Cik Amira Hariyati Ruzaidi (ICT)
 - 5.6. En. Aznul Rafizul Ramli (Unit Kokurikulum)



Aluan Pengarah PPD

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Tahniah dan Syabas kepada Sidang Redaksi Buletin PPD kerana telah Berjaya menerbitkan Buletin PPD Sesi Januari 2009. Sesi Januari 2009 berakhir dengan pelbagai aktiviti telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Pada awal tahun ini PPD telah berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen kali ke-18. Kejayaan penganjuran pelbagai aktiviti menggambarkan kerjasama mantap dan kualiti kecemerlangan yang ada kepada seluruh warga PPD. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi tahniah dan terima kasih di atas sokongan semua Warga PPD dalam menayakan aktiviti PPD sepanjang Sesi Januari 2009. Saya yakin pelbagai berita dan aktiviti yang dipaparkan di dalam buletin ini menggambarkan warga PPD terus maju, aktif dan komited untuk menggerakkan PPD ke arah mercu kejayaan dan kecemerlangan. Saya harap kerjasama seperti ini akan terus diberikan pada masa yang akan datang. Bersama menuju kecemerlangan. Sekian, terima kasih. Daripada Hj. Mohd Kharir Bin Hj. Ibrahim, Pengarah PPD.

Majlis Konvokesyen PPD Kali ke-18



Majlis Konvokesyen PPD kali ke-18 Tahun 2009 telah diadakan pada 28 dan 29 April 2009 bertempat di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson. Majlis Konvokesyen ini diadakan dalam dua sidang. Seramai 1,413 orang graduan daripada 1,920 graduan yang tamat pengajian pada tahun 2008 telah hadir pada majlis tersebut.

Sidang pertama dihadiri seramai 699 graduan telah disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Dato' Klana Petra, Dato' Haji Mubarak Bin Dohak, Undang Luak Sungai Ujung manakala sidang kedua dihadiri seramai 714 graduan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dr. Mohamed Rashid Navi Bax, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan Institut Pengajian Tinggi Swasta, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Majlis gilang gemilang ini berjalan dengan lancar berkat kerjasama dari seluruh warga PPD dan semua pihak.

Sejak tahun 1992 hingga kini PPD telah menghasilkan 18,380 graduan yang telah memberi sumbangan kepada pembangunan negara kita dalam pelbagai bidang. WHG

Coretan Pengerusi Buletin



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Buletin PPD muncul kembali. Kali ini penerbitan edisi Sesi Januari 2009. Berita-berita yang dimuatkan di sini merupakan sebahagian aktiviti yang dirakamkan sepanjang Sesi Januari 2009. Buletin ini merupakan wadah rasmi PPD dalam menyalurkan maklumat dan aktiviti yang berlaku sepanjang semester untuk tatapan semua. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ahli Sidang Redaksi Buletin PPD di atas kerja keras bagi menzahirkan Buletin PPD Sesi Januari 2009 ini. Tidak lupa juga setinggi terima kasih kepada mereka yang telah menyumbangkan berita dan mereka yang memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Kerja muafakat membawa berkat. Sekian, terima kasih. Daripada Hj. Wan Mohd Hujjatullah Bin Hj. Wan Ghazali.



Ceramah Motivasi "Di Mana Silapnya"



Program Motivasi 'Di mana silapnya' merupakan aktiviti pertama yang dianjurkan oleh Unit Kaunseling di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer bagi sesi Januari 2009. Program ini berjaya dilaksanakan pada 20 Februari 2009 (Jumaat), bermula pukul 8.00 pagi dan berakhir pada 12.30 tengahari, bertempat di DK4 Politeknik Port Dickson. Penceramah jemputan ialah Cr. Shamsul Bahrain Bin Haron.

Aktiviti ini dijalankan khusus untuk para pelajar mengulang modul kod B di Politeknik Port Dickson. Program ini berhasrat untuk memberi pendekatan yang berbeza di samping program-program pengajaran dan pembelajaran ilmiah yang telah diterima pelajar.

Secara keseluruhannya aktiviti ini menjurus kepada objektif-objektif seperti memupuk minat dan kecenderungan para pelajar terhadap pembelajaran modul yang diulang (carry paper) ; meningkatkan motivasi dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang pentingnya ilmu dalam kehidupan dan memberi informasi kepada pelajar tentang prospek keagamaan dalam menempuh kegagalan dalam kehidupan. Nuradibah



Program ini dijalankan berformat seperti klinik matematik. Tetapi kali ini, pendekatan yang digunakan adalah lebih kepada kerjasama berkumpulan dimana pelajar yang lemah dipilih dari setiap kelas dan membentuk kumpulan yang akan dijadikan kumpulan mentee. Manakala beberapa orang pelajar yang cemerlang turut dipilih dari setiap kelas dan akan dilantik sebagai mentor. Mentor akan membantu mentee dalam beberapa masalah melibatkan modul. Kerjasama berkumpulan ini akan dinilai dan diberikan markah oleh beberapa orang juri yang akan dilantik dari kalangan pensyarah modul. Program ini diharapkan dapat membantu pelajar yang lemah dalam bentuk yang lain dan dijangkakan dapat memberikan pendekatan yang lebih. Nuradibah



Pencarian Harta Karun

Program pencarian harta karun ini merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh Aktiviti B2001. Aktiviti ini telah dilaksanakan pada 20 Februari 2009 (Jumaat) pada pukul 2.45 petang, bertempat di Foyer JMSK. Aktiviti ini dijalankan khusus untuk pelajar-pelajar yang mengambil Modul Matematik Kejuruteraan 2. Aktiviti Pencarian Harta Karun adalah bertujuan untuk menarik minat terhadap matematik dan memberi keseronokan ketika melakukan aktiviti ini serta memupuk semangat berpasukan.

Antara objektif yang ditekankan di dalam aktiviti ini ialah memberi pendedahan dan mengulangskaji modul B2001; meningkatkan motivasi diri pelajar sepanjang tempoh pembelajaran mereka di Politeknik; memupuk semangat berpasukan; dan memupuk semangat dan kesedaran tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Kehadiran pelajar adalah menggalakkan di mana seramai 44 (91%) pelajar dari 46 pelajar telah menghadiri aktiviti tersebut. Nuradibah



Majlis Mencemar Kaus Yana Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau

Pada 5 Mei 2009, Yang Teramat Mulia Dato' Lela Maharaja Dato' Haji Muhamad Sharip bin Haji Othman Dato' Undang Luak Rembau telah berkenan mencemar kaus ke Jabatan Kejuruteraan Awam PPD bersempena dengan pembentangan projek akhir pelajar Diploma Kejuruteraan Awam dan pembentangan Projek Lukisan Terukur pelajar Senibina serta melawat Galeri Senibina JKA. Dalam majlis ini, YTM Dato' Undang telah mencemar kaus ke pameran produk hasil kerja pelajar JKA dan Gelri Senibina. YTM Dato' juga telah berkenan untuk menyumbangkan RM2000 kepada JKA sebagai tanda sokongan terhadap aktiviti yang dijalankan oleh JKA PPD. Selain itu, perkenan YTM Dato' Undang mencemar kaus ke JKA sedikit sebanyak telah membuka satu lembaran baru dalam sejarah PPD kerana ini adalah merupakan kali pertama Politeknik Port Dickson menerima kunjungan dari pihak YTM Dato' Undang untuk menyaksikan pameran hasil kerja pelajar PPD. Adalah menjadi harapan JKA agar hubungan antara jabatan akademik dan pihak Pejabat Undang Rembau terus terjalin dan memberi satu inspirasi dan melestarikan masyarakat yang prihatin dan bersatu-padu. NTS



Program Asas Fasilitator JKA

Pada 15 Februari 2009, Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan program Asas Fasilitator bertempat di Bilik Tayang UIDM, Politeknik Port Dickson. Program ini disertai oleh 45 orang pelajar senior JKA yang terdiri daripada ajk kelab dan pelajar semester akhir JKA. Tujuan program ini diadakan ialah memberi pendedahan kepada mereka tentang asas untuk menjadi seorang fasilitator sebagai persediaan untuk mereka mengendalikan aktiviti untuk CALIS II iaitu program ramah mesra bersama pelajar semester satu pada 22.2.2009 nanti. Program ini dikendalikan oleh Penasihat Kelab JKA dan juga PBKJ JKA iaitu Puan Nuratikah binti Seman. Peserta didedahkan dengan Peranan Fasilitator, Teknik Berkomunikasi, Latihan Dalam Kumpulan dan Persembahan Kumpulan. Program asas fasilitator ini berjalan dengan jayanya dan para peserta amat berpuas hati dengan kemahiran yang diperolehi dan lebih berkeyakinan untuk mengendalikan Aktiviti Dalam Kumpulan terutamanya dalam JKA di masa yang akan datang. NTS



Bicara Cinta Remaja Bersama Prof Izi Ali



Cinta merupakan satu perasaan yang sangat mendalam yang boleh merubah segala kehidupan ini dan sangat sinonim dengan remaja. Jabatan Kejuruteraan Awam telah menaja program Bicara Cinta Remaja Bersama Prof Izi Haji Ali pada 9 April 2009 bertempat di Dewan Peranan Politeknik Port Dickson. Seramai 700 pelajar Politeknik Port Dickson yang terdiri daripada pelajar semester dua, tiga dan lima dari JKA, JKE, JKM dan JP telah meyertai program ini. Program ini yang bermula seawal jam 8 malam dan berakhir jam 11.30 malam telah dikendalikan oleh Pakar Motivasi terkemuka iaitu Prof Madya Haji Mohd Izzudin Haji Ali atau lebih dikenali sebagai Prof Izi yang terkenal dengan tagline beliau 'Renung-renungkan dan Selamat Beramal'. Antara pengisian ceramah beliau ialah menyoroti kisah cinta para sahabat Rasulullah, tips-tips bercinta remaja dan definisi sebenar cinta yang sepatutnya diikuti oleh remaja agar tidak tewas dengan godaan dan nafsu cinta remaja dan kes-kes sosial berkaitan cinta remaja sekarang. Kesimpulannya, program seperti ini dapat memberi kesedaran kepada remaja berkaitan cinta dan isu-isu gejala remaja dewasa ini yang perlu dijadikan pedoman dan panduan dalam menyusuri liku-liku hidup seorang remaja. - NTS

9



Bengkel Senibina Politeknik Malaysia Kali Ke-2



Unit Senibina Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan Bengkel Senibina Politeknik Malaysia Kali Ke-2 pada 3 hingga 5 April 2009. Tema Bengkel pada kali ini ialah Generate yang mana tema ini adalah rentetan dari tema Bengkel Senibina Kali Pertama iaitu Tunas. Moto program pula ialah 'One Heart, One Work, One Reflect' yang bermaksud kesatuan hati membawa kepada kesatuan kerja seterusnya kesatuan tindakbalas. Program ini disertai oleh 300 orang peserta yang terdiri daripada pelajar senibina Politeknik Port Dickson, Politeknik Sultan Idris Shah Sabak Bernam dan Politeknik Ungku Omar Ipoh Perak. Pengisian program ini ialah Majlis Perasmian Pembukaan, Archi-Talks, Pameran Senibina, Archi-Theater, Archi-Race, Battle Field dan Majlis Perasmian Penutup. Antara penceramah yang dijemput memberikan ceramah dalam program ini ialah Pakar Ilustrator terkenal iaitu Encik Jomhair bin Johari dari AJ Reka dan Encik Ishak iaitu Motivator dari konsultan motivasi. Majlis Perasmian Bengkel Senibina kali ini rasmi oleh Pengarah Bahagian Perhubungan Korporat dan Pelancongan Majlis Perbandaran Port Dickson iaitu Puan Nor Hafizah dan turut sama dihadiri oleh Ar. Tuan Haji Hamdan bin Jamaludin selaku wakil Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM). Buat pertama kalinya, program ini telah menggunakan Dataran Teluk Kemang sebagai lokasi utama untuk aktiviti yang dijalankan iaitu Majlis Perasmian, Pameran Senibina dan Archi-Race sebagai satu langkah mengoptimumkan sumber pantai dan pelancongan untuk aktiviti pelajar PPD yang amat sinonim dengan pantai. Program Bengkel Senibina ini telah berjalan dengan lancar dan berjaya meniupkan semangat baru dan membuka satu dimensi perubahan dikalangan para peserta terutamanya pelajar senibina Politeknik Port Dickson ke arah satu pasukan yang lebih erat dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain ke arah kecemerlangan bersama. - NTS



Ceramah 'Pelajar Cemerlang Sahsiah Terbilang-Siri Ke-Dua' (Smart Study)



Pada 26 Mac 2009 di Dewan Kuliah 4 bangunan akademik Politeknik PD, perpustakaan Politeknik Port Dickson dan Kelab Sahabat Perpustakaan menganjurkan Program Ceramah Motivasi bertajuk **Pelajar Cemerlang Sahsiah Terbilang siri ke dua** dan kali ini bertemakan Smart Study. Ceramah disampaikan oleh Tuan Haji Noorazman bin Samsudin dalam pembelajaran seharian. Majlis ini telah di rasmi-kan oleh penaung kelab Puan Hajjah Fauziah Bte Zakaria yang merupakan Timbalan Pengarah Sokongan Akademik Politeknik Port Dickson. Program ini merupakan kesinambungan dari ceramah pada semester lepas yang telah disampaikan oleh Ustazah Fatimah Syarha binti Haji Mohd Noordin. Pada kali ini, ceramah yang akan disampaikan oleh Pensyarah Kuliyyah Kejuruteraan UIAM adalah bertema *smart study* atau pembelajaran berkesan. Norliza

Kursus Asas Membaca

Pada 15 Mei 2009, JKE telah mengadakan kursus Asas Membaca di kalangan pensyarah JKE. Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Pn. Zainab Bt. Musri. Salah satu objektif kursus tersebut adalah untuk memberi pendedahkan kepada pensyarah bagaimana untuk mendapatkan teknik dan mengetahui sesuatu bahan bacaan itu yang baik, terbaik atau biasa sahaja. Daripada itu juga, untuk memupuk budaya membaca. Dalam kursus ini teknik-teknik membaca dan mengenal sesuatu buku telah dijelaskan dan ianya sangat baik untuk seorang pensyarah untuk mencari buku-buku rujukan dalam proses P&P dan juga untuk pelajar. Kursus ini telah disampaikan oleh En. Ong Seng Keong daripada Pensyarah JKE. Sambutan kursus ini sangat baik dikalangan pensyarah dan ianya boleh diberi kepada pelajar pada masa akan datang. msn



Lawatan Pelajar Semeter Akhir Ke ILSAS

Seramai 82 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik semester 6 (DET6-S1 dan DET6-S2) telah mengikuti Lawatan Akademik ke Institut Latihan Sultan Ahmad Shah (ILSAS), TNB Training Institute di Kajang, Selangor pada 26 Mac 2009. Lawatan ini turut diiringi oleh pensyarah JKE seramai 7 orang. Ia diadakan bertujuan mendekatkan para pelajar dengan ilmu pengetahuan dan keperluan dalam industri khusus kepada Kejuruteraan Elektrik Kuasa antaranya termasuklah Sistem Janaan, Sistem Menara Talian Atas, Sistem Perlindungan, Kawalan Pensuisan Sistem Pencawang dan Kawalan Penjanaan Elektrik Bersimulator. msn



Kursus Adobe Photoshop

Pada 7 & 8 April 2009, UPIM telah menganjurkan Kursus Adobe Photoshop yang diadakan di Bilik Studio Grafik UPIM. Seramai 10 peserta menghadiri kursus termasuk pegawai, staf dan AJK Jabatan di mana En. Shamsul Johari dari Unit Senibina sebagai fasilitator bagi kursus ini. Objektif kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran penggunaan perisian grafik di kalangan peserta selaras dengan visi dan misi UPIM. Kursus ini adalah untuk mendedahkan penggunaan asas perisian Adobe Photoshop. Lanjutan daripada kursus ini kami memperolehi ilmu pengetahuan yang sangat bermanfaat dan memantapkan lagi UPIM. Terima kasih sekali lagi kepada fasilitator kursus yang begitu tekun dalam mencurahkan ilmu pengetahuannya. *mok*



Kursus Fotografi

Kursus fotografi diadakan pada 13 hingga 15 Mei 2009 yang diadakan di Bilik Tayang UPIM dan Cameron Highland. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan penggunaan kamera dan teknik digital DSLR. Dua orang jurufoto dari Syarikat Peka Perdana Sdn. Bhd. selaku penceramah kursus ini. Seramai 7 orang peserta kursus yang majoritinya adalah staf UPIM. Praktikal kursus ini diadakan di Cameron Highlands bersama ahli-ahli Kelab Multimedia untuk mempraktikkan penggunaan kamera digital DSLR yang berlangsung pada 14 & 15 Mei 2009. Pertandingan fotografi juga diadakan untuk ahli-ahli Kelab Multimedia. *mok*



Khidmat Masyarakat UPIM "Malam Air Mata Palestin"

UPIM telah memberikan perkhidmatan AVA kepada Surau Roudhatul Ulum, Telok Kemang pada 13 Mac 2009 bagi program Malam Air Mata Palestin di mana Forum Perdana diadakan. Dua orang panel yang terdiri daripada Imam Surau Roudhotul Ulum dan penceramah bebas serta pengerusi majlis dari PPD iaitu Ustaz Suhaimi dijemput bagi menjayakan majlis tersebut. *mok*



Semoga Bertemu Lagi

' Bertemu dan berpisah adat manusia biasa, hilang dimata tapi dihati tidak lupa...' begitulah antara bait lirik lagu 'Bertemu dan Berpisah' yang meraikan perpindahan antara pensyarah di Jabatan Pengajian Am dengan bekas Ketua Jabatan Pengajian Am, Tn. Hj. Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali yang kini menjawat jawatan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Port Dickson. Majlis makan tengahari yang diadakan di Rumah Rehat TNB, Port Dickson pada hari Rabu, 27 Mei 2009 itu juga antara lain turut meraikan 3 orang pensyarah dari Unit Bahasa Inggeris dan 2 orang pensyarah dari Unit Pengajian Islam yang akan melanjutkan pelajaran masing-masing ke peringkat Sarjana di universiti tempatan. Pada majlis yang sama juga Puan Izawati Isa selaku Ketua Jabatan Pengajian Am yang baru juga turut mengucapkan tahniah kepada para pensyarah yang telah mendapat kenaikan pangkat ke DH48. Syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka, dan selamat maju jaya kepada mereka yang akan melanjutkan pelajaran! *-mAss-*

Kepentingan Ilmu Fardhu Kifayah

Mempelajari ilmu fardhu kifayah adalah menjadi satu kewajipan umat Islam. Selaras dengan itu, Unit Pendidikan Islam telah menganjurkan satu Seminar Pengurusan Jenazah kepada pelajar Semester 2 bertempat di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson pada 14 Februari 2009 yang lalu. Para peserta telah diberi tunjuk ajar pengurusan jenazah dengan bantuan Kapten Zainal Azira bin Ahmad Zabidi dan Ustaz Zaki bin Mat disepanjang seminar tersebut. Seminar selama sehari ini dapat melengkapkan para pelajar dengan ilmu pengurusan jenazah, seperti memandikan dan mengkafankan jenazah, dengan lebih mendalam serta dapat dipraktikkan dalam kehidupan mereka kelak. *-mAss-*



Let's Join The Fun Of ELC!

' I know...I know the answer!' shouted one student to his team. That was one of the many scenes captured during the treasure hunt event or also known as Poly Hunt in conjunction with the English Language Carnival (ELC) January Session 2009. The ELC was held from March 2nd until March 6th 2009. Apart from Poly Hunt, there were also other competitions and contests held during ELC including Elocution Contest, Quiz Competition, Poly Idol, and an array of language games: Chain Scrabble, Spelling Bee and Charade. The movie, InkHeart was also aired in Dewan Kuliah 6 on Thursday, March 5th 2009. The distinguished guest, Ir. Chan Chee Meng, the Deputy Director of Port Dickson Polytechnic was invited to give away the prizes to the winners during the Closing Ceremony which was held in Dewan Kuliah 4 on March 13, 2009. *-mAss-*



Kunjungan Hormat Pengarah Politeknik Port Dickson Ke Bawah Kaus YTM Dato' undang Luak Johol



Ke Bawah Kaus Yang Teramat Mulia Dato'Kiana Petra Dato'Hj.Mubarak bin Dohak, DTNS, Dato' Undang Luak Sungai Ujong, telah berkenan menerima kunjungan hormat oleh Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim Pengarah Politeknik Port Dickson pada 22 Mei 2009. Turut sama di dalam kunjung hormat tersebut ialah Pegawai Perhubungan Awam PPD Tuan Haji Sabarudin Yeop Hamza berserta dua ketua jabatan PPD yang lain iaitu Puan Hajah Zainaton (JMSK) dan Puan Zainab Musri(JKE).

Pengarah PPD di dalam perbincangannya dengan YTM Dato' Undang telah menjelaskan bahawa perlunya ada satu bentuk perhubungan yang baik antara pihak Undang dan PPD. Ini bagi mewujudkan satu jaringan kerjasama yang erat di antara pemimpin dan institusi pengajian tinggi di Negeri Sembilan. Dalam ucapan balasnya, YTM Dato Undang telah mengesyorkan agar pihak PPD melaksanakan beberapa aktiviti bagi mempromosikan peluang pengajian tinggi yang ditawarkan oleh PPD kepada masyarakat luar bandar. Ia adalah sebagai satu usaha mendidik masyarakat yang berterusan dan menyeluruh. Beliau juga telah memberikan perkenan beliau jika pihak PPD ingin menjemput beliau hadir di majlis-majlis akademik di PPD pada masa yang akan datang.

Pengarah PPD menyatakan bahawa, perkara ini akan dirancang pada masa terdekat dan semua YTM Dato' Undang akan dikunjungi serta didekati pada masa hadapan agar hubungan baik dapat dipertingkatkan lagi di masa hadapan. PakDin PRO

Temuduga kerjaya Sempena Konvokesyen Politeknik Port Dickson



Sempena Konvokesyen Politeknik Port Dickson pada 28 April 09 & 29 April 09, Unit Psikologi Dan Kerjaya telah mengadakan temuduga kerjaya, pameran kerjaya dan seminar kerjaya. Program dijalankan di dataran koperasi, blok A & B dan di blok akademik. Program ini dijalankan dari 27 April hingga 29 April 2009. Objektif program ini di adakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar politeknik khususnya para graduan untuk mendapatkan pekerjaan melalui syarikat/agensi yang dijemput oleh Unit Psikologi serta mendapat maklumat dari IPTA yang dijemput untuk pelajar menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu juga bagi seminar kerjaya, pelajar semester akhir didedahkan dengan cara-cara membuat resume, cara menghadapi temuduga dan ketrampilan diri.



Laporan Ice-Breaking Unit Psikologi Dan Kelab Pembimbing Rakan Siswa

Pada 31 Januari 2009, Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Port Dickson telah mengadakan program Ice Breaking di Pantai Politeknik Port Dickson. Objektif program ini dijalankan ialah untuk memupuk semangat setia kawan antara ahli-ahli kelab dan menanam nilai murni di dalam diri pelajar. Seramai 115 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada program tersebut.

Program Ice Breaking in dimulakan dengan senaman pagi di koperasi sebelum semua ahli PRS bergerak ke pantai politeknik. Aktiviti diteruskan dengan program "kenal personaliti diri" Setelah itu, diadakan pembahagian kumpulan dan mencipta 'trademark' untuk kumpulan masing-masing.

Aktiviti seterusnya diteruskan dengan aktiviti selimut minda. Tujuannya untuk menguji kecekapan akal fikiran kenal perwatakan peserta dalam waktu paling singkat. Kemudian, para peserta diuji kecerdasan fizikal dan mental serta semangat setiakawan dalam sukaneka pantai. Program diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah kepada setiap kumpulan dan program selesai pada jam 3.00 petang.

Program 'Kem Pemantapan Peribadi Diri



Pada 25 hingga 27 Mac yang lalu, Kelab Pembimbing Rakan Siswa telah mengadakan Kem Pemantapan Peribadi Diri di Hutan Rekreasi Gunung Datuk, Rembau. Objektif program ialah meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar berhubung pembentukan jati diri dan potensi serta personaliti seseorang individu selain daripada memperkenalkan kepada pelajar tentang cabaran dan keyakinan pada diri sendiri ketika menghadapi kesukaran. Peserta yang menyertai program in terdiri daripada ahli kelab PRS, iaitu seramai 70 orang.

Selama 3 hari berada di Hutan Lipur Gunung Datuk, peserta didedahkan dengan aktiviti lasak seperti mendaki Gunung Datuk, Program-program motivasi berbentuk pemantapan diri, uji minda, pengurusan emosi, LDK dan pemantapan rohani. Program ini diharapkan dapat menjadikan peserta lebih berdaya dan tahu menguruskan hala tuju semasa berada di politeknik dan apabila keluar daripada institusi kelab.

Simposium Potensi Diri Di Bukit Fraser, Pahang


Pada 10 hingga 13 April 2009, Bahagian Kebajikan Pelajar, Sektor Pengurusan Politeknik, dengan kerjasama Politeknik Salahuddin Abdul Aziz Shah, telah menganjurkan simposium bertempat di Bukit Fraser. Objektif simposium ialah untuk melahirkan Pembimbing Rakan Siswa yang mampu melaksanakan tugas serta tanggungjawab dengan penuh berwibawa dan berkessan serta cemerlang dalam bidang akademik, intelektual dan sahsiah pelajar dengan menggunakan tema '**Perkasakan Potensi Mantapkan Personaliti**'. Politeknik Port Dickson telah menghantar 15 orang iaitu 7 pelajar lelaki dan 8 orang pelajar perempuan.

Antara program yang dijalankan semasa simposium ini ialah pembentangan kertas kerja setiap kumpulan dengan tajuk yang diberi, forum, dan ceramah dari penceramah jemputan. Apa yang istimewanya, pada simposium ini, para peserta dapat mendengar ceramah bertajuk Potensi dan Personaliti Diri, Pemangkin Kecemerlangan yang disampaikan oleh Pengasas PRS iaitu Prof Madya Zuraidah Abdul Rahman. Wakil Politeknik Port Dickson, iaitu Md.Shahrizuan Bin Md.Sani telah mendapat Anugerah Peserta Lelaki Terbaik pada simposium tersebut. Majlis penutupan simposium ini telah dilakukan dalam upacara yang gilang gemilang.

Kebanyakan peserta berasa seronok dan puas terhadap program yang dijalankan pada simposium ini. Diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan pada setiap semester.



Hari Bersama Komuniti Anjuran JMSK



Pada 1 Jun 2009 berlangsung Hari Bersama Komuniti Anjuran Jabatan Matematik, Sains Dan Komputer. Aktiviti ini dijalankan dengan tujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar Sekolah Menengah di seluruh daerah Port Dickson. Bengkel-bengkel yang ditawarkan adalah Bengkel Penggunaan Asas Kalkulator dan Bengkel Multimedia. Dalam bengkel multimedia, terdapat 3 subtopik yang menarik minat bagi golongan usia pelajar diperingkat sekolah menengah contohnya membina blog, kemahiran menggunakan software MP3 Cutter & Photo Story.

Dari 10 sekolah diseluruh daerah Port Dickson di jemput hadir, hanya 3 buah sekolah tidak dapat menghantar wakil pada saat akhir. Antara sekolah-sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Saujana, Sekolah Menengah Kebangsaan Kg Baru Si Rusa, Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Panjang, Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Jumaat, Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah Site 'C', Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Port Dickson dan Sekolah Menengah Kebangsaan Lukut.

Kehadiran 72 orang pelajar dari seluruh daerah Port Dickson ini memberikan gambaran positif kepada seluruh ahli jawatankuasa program. Diharapkan bengkel-bengkel seperti ini akan dapat dilaksanakan lagi pada masa akan datang demi menaikkan lagi maratabat politeknik pada persepsi masyarakat Port Dickson.

Bengkel sehari yang bermula seawal 8.00 pagi ini diakhiri pada pukul 5.00 petang dan majlis penutup disertai dengan kesudian Pengarah dan Timbalan Pengarah Politeknik Port Dickson. Terima kasih kepada semua guru-guru pengiring yang terlibat dan sekalung tahniah kepada semua staf JMSK yang begitu komited melaksanakan tugas masing-masing sehingga berjaya mengadakan satu aktiviti untuk komuniti untuk julung kalinya ini. Terima kasih kepada semua yang terlibat. Nuradibah



Hari Keluarga Jabatan Perdagangan Bersama Anak Yatim

Pada 9 May 2009, Kelab Perdagangan telah mengadakan Hari Keluarga JP bersama-sama dengan anak yatim. Kelab perdagangan telah memilih rumah anak yatim Murad Foundation dari daerah Seremban untuk diraikan bersama-sama Hari Keluarga JP sesi Januari 2009. Seramai 40 orang anak yatim dan 6 orang pengiring dari Pihak Murad Foundation telah hadir bagi menayakan program tersebut. Ia telah berlangsung di Pantai Politeknik dan di hadiri seramai 100 orang pelajar dan beberapa orang penyarah. Pelbagai aktiviti sukaneka telah disusun untuk menayakan aktiviti tersebut. Bermula dari jam 8.30 pagi dan berakhir tepat jam 12.30 tengah hari. Terima kasih di ucapkan kepada Tuan Pengarah kita kerana sudi meluangkan masa untuk menjenguk apa yang sedang berlaku di Pantai Politeknik. Majlis berakhir selepas makan tengah hari dan penyampaian hadiah. msj.



Mekanikal Juara Pertandingan Jatidiri dan Kawad Kaki Polibriged Jan 09'

Setiap sesi pengajian pelajar-pelajar semester satu didedahkan dengan aktiviti kawad kaki dan jatidiri. Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk membantu membina disiplin diri, jatidiri dan ketahanan mental serta fizikal di kalangan pelajar. Di antara pengisian aktiviti yang menarik minat pelajar ialah pertandingan kawad kaki dan jatidiri di antara jabatan. Pertandingan kawad dan jatidiri telah diadakan pada 13 Mei 2009. Keputusan adalah seperti berikut:

Pertandingan Kawad : Johan (JKM), Naib Johan (JKE), Ketiga (JKA)

Ketua Platon terbaik : Muhammad Syahmi bin Zakaria (JKE)

Pertandingan Jatidiri : Johan : JKM(A), Naib Johan : JKM(B), Ketiga : JKE(A)

Aktiviti-aktiviti Polibriged yang lain yang diadakan sepanjang semester adalah ceramah dan demonstrasi pertolongan cemas dan pencegahan kebakaran serta kuliah dan latihan protokol dan etiket sosial. Unit Kokurikulum mendapat banyak bantuan daripada JPAM dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Port Dickson. Bagi aktiviti kawad, pelajar-pelajar dilatih oleh pihak tentera dan diselia sepenuhnya oleh Penyelaras dan Penyarah yang mengendalikan Polibriged. Mazlan, MN



Seminar Kerjaya "Personaliti Anggun Bergaya Profesional"

Pada 16 April 2009, Kelab Perdagangan telah menganjurkan seminar untuk pelajar-pelajar semester akhir bagi membentuk personaliti jati diri sebelum menempuh alam pekerjaan. Kelab perdagangan juga menjemput jabatan dari luar politeknik untuk menyertai seminar ini. Tujuan utama seminar ini adalah untuk membina jatidiri para pra graduan dengan dunia luar. Memberi pendedahan awal cara-cara berhias untuk menghadiri temuduga, cara-cara menghadiri temuduga dan ceramah agama mengenai jatidiri. Majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Politeknik Port Dickson, Ir Chan Chee Ming. msj.


Kunjung Bakti Kelab Pembimbing Rakan Siswa dan Unit Psikologi dan Kerjaya

Pada 30 April hingga 3 Mei 2009 Unit Psikologi dan Kerjaya Politeknik Port Dickson, dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa telah mengadakan Program Kunjung Bakti ke PKB dan Rumah Anak-Anak Yatim (YAATIM), Rumah Puteri Harapan, Kota Bharu. Objektif program ini adalah untuk mencorakan permuafakatan dan membina nilai-nilai murni antara pelajar politeknik dan kepada anak-anak yatim. Selain itu, program ini juga memupuk keinsafan dan kesedaran dalam diri ahli-ahli kelab khususnya dan pelajar-pelajar lain amnya. Pada 1 Mei 2009, Kunjungan ke Politeknik Kota Bharu dimulakan dengan taklimat, acara Explorace dan Sukaneka. Pada sebelah malamnya, PPD diperkenalkan dengan ALUMNI PRSP Poli KB. Majlis diteruskan dengan aktiviti pertukaran hadiah ahli-ahli PRSP PKB dengan peserta PPD. Pada 2 Mei 2009, Program Lawatan Kunjung Bakti ke Rumah Anak-Anak Yatim (YAATIM), Rumah Puteri Harapan, Pengkalan Chepa dijalankan. Aktiviti-aktiviti motivasi, LDK dan sukaneka diadakan dengan kerjasama PRS PKB serta Pegawai Pelajaran dari rumah anak-anak yatim.

Aktiviti tersebut diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada anak-anak yatim, penyampaian sumbangan kutipan derma kepada pegawai pelajaran Rumah Anak-Anak Yatim dan hamper dari warga politeknik PD.



Kajian Persepsi Pelajar



Pada sesi Januari 2009, pihak Unit ICT menyelaraskan sesi maklumbalas secara online Kajian Persepsi Pelajar bagi Kurikulum Program Pengajian di Politeknik. Kajian ini dikelola oleh Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Bahagian Hal-Hal Pelajar Politeknik KPT. Sesi maklumbalas ini telah diadakan di makmal-makmal komputer di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer selama sebulan iaitu dari 19 Mei 2009 hingga 19 Jun 2009.



CALIS II Anjuran JKA



Program Seminar Gaya Hidup Kampus II –Campus Lifestyle (CALIS II) telah dijalankan pada hari Ahad, 22 Februari 2009 bertempat di Dewan Kuliah 4, Politeknik Port Dickson. Seramai 160 orang pelajar telah menyertai program ini yang terdiri dari pelajar semester satu kursus Diploma dan Sijil Kejuruteraan Awam dan Diploma dan Sijil Senibina. Program ini dikendalikan oleh 40 orang fasilitator yang terdiri dari ahli jawatankuasa Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam. Pengisian program ini adalah ceramah "Excellent Lifestyle in Polytechnic" oleh Cr. Shamsul Bahrain bin Haron yang merupakan Pegawai Kaunselor dari Politeknik Shah Alam, dan Aktiviti Dalam Kumpulan (ADK) yang dikendalikan oleh Fasilitator iaitu AJK Kelab JKA yang terdiri daripada pelajar-pelajar senior JKA. Aktiviti yang dijalankan ialah Sesi Taaruf, Teknik Pembahagian Masa, Diskusi Teknik Belajar di Poli, Susur Kehidupan, Flying Egg dan sesi ramah mesra bersama AJK Kelab JKA. Program diakhiri dengan sesi Refleksi iaitu kesimpulan dan muhasabah diri serta penyampaian hadiah kepada kumpulan terbaik sepanjang aktiviti dijalankan. Program CALIS ini telah mencapai matlamatnya dan diharapkan dapat diteruskan di masa akan datang oleh JKA. NTS



Practice Makes Perfect!

Knowing exactly how to attempt MUET exam papers would be one of the many reasons for 430 students attended the MUET Answering Technique Seminar Mid Year 2009 which was held from April 4th to April 5th 2009 in Dewan Kuliah 4, Port Dickson Polytechnic. The participants, who were the Diploma final semester students, were among the registered MUET candidates who wish to excel in the MUET exam. The participants were thankful to En. Ahmad Iskandar Haron, the invited speaker, for his helpful tips and techniques shared throughout the seminar. The English Language Unit would like to wish 'Good Luck' to all MUET candidates! -mAss-

Makan Malam Mutiara Kasih


Pada 9 May 2009, Kelab Perdagangan telah mengadakan majlis makan malam yang diberi nama Makan Malam Mutiara Kasih. Ia adalah tanda ucapan tahniah dari Jabatan Perdagangan kepada pelajar-pelajar semester akhir yang bakal meninggalkan politeknik. Makan malam ini juga di adakan untuk menyampaikan anugerah Ketua Jabatan kepada mereka yang mendapat PNM 3.50 dan ke atas. Makan malam turut di serikan dengan kehadiran Tuan Pengarah Politeknik Port Dickson. Semoga dengan berakhirmya makan malam tersebut, maka tidak berkahirlah hubungan antara para pendidik dengan para pelajar. Ia seharusnya berterusan selagi ia bergelut insan. msj.

Bengkel Nombor Kompleks

Program kedua yang dianjurkan oleh Penyelaras Aktiviti B2001 adalah Bengkel dan Teknik menjawab soalan Nombor Kompleks. Bengkel ini telah dijalankan pada 27 Februari 2009 (Jumaat), bertempat di DK4 Politeknik Port Dickson. Fasilitator jemputan ialah Pn. Halimatun Sa'diah Sa'don, yang mana beliau juga merupakan pensyarah yang mengajar subjek Nombor Kompleks.

Aktiviti ini dijalankan bagi pelajar-pelajar yang lemah dalam Nombor Kompleks. Selain itu, pelajar-pelajar yang mengambil subjek ini juga di alu-alukan untuk menyertai bengkel ini. Bengkel ini bertujuan untuk membantu para pelajar untuk lebih memahami bab ini dengan lebih mendalam lagi.

Objektif bengkel ini diadakan ialah memberi pendedahan dan mengulangkaji modul B2001; meningkatkan motivasi diri pelajar sepanjang tempoh pembelajaran mereka di Politeknik; memupuk semangat berpasukan; dan memupuk semangat dan kesedaran tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan sebagai seorang pelajar. Nuradibah



Malam Penghargaan PRSP



Pada 15 Mei 2009, Unit Kaunseling dan Kerjaya Politeknik Port Dickson telah mengadakan satu program iaitu 'MALAM PENGHARGAAN' yang dijalankan untuk menghargai para AJK serta ahli Kelab Kelab Pembimbing Rakan Siswa sesi Januari 2009 sesi akhir yang akan menamatkan sesi pembelajaran di Politeknik Port Dickson. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diteruskan lagi dengan ucapan daripada pengerusi PRS Politeknik Port Dickson, Md Shahrizuan disusuli pula dengan ucapan daripada Pegawai Psikologi Dan Kerjaya PPD iaitu Ustazah Nooraini.

Majlis disereni lagi dengan persembahan daripada AJK dan ahli. Majlis diselang-selikan dengan cabutan bertuah dan pertukaran hadiah sesama ahli dan AJK. Seterusnya, diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang 'Wanita Melayu Terakhir' dan 'Jejaka Idaman Malaya', kemudian penyampaian cenderamata kepada AJK yang akan menamatkan pembelajaran pada sesi ini dan AJK baru.

Majlis di adakan sebagai tanda penghargaan Unit Psikologi Dan Kerjaya kepada Aik Dan Ahli serta Penyelaras Kaunseling Jabatan di atas penglibatan mereka menjayakan program-program anjuran Unit Psikologi Dan Kerjaya secara langsung dan tidak langsung.

Penanda Arasan 5S JMSK Politeknik Port Dickson Ke Politeknik Merlimau

Pada 28 Mei 2009, satu lawatan penanda arasan 5S telah dibuat oleh JMSK PPD bagi mendapat satu gambaran sebenar berkenaan pelaksanaan 5S di Politeknik Merlimau, Melaka. Seramai 32 orang staf dari JMSK dan ICT terlibat dalam lawatan tersebut bagi melaksanakan mandat Tuan Pengarah sebagai perintis 5S di PPD.

Politeknik Merlimau telah mendapat persijilan 5S pada bulan Mei 2009 dan menjadi Politeknik pertama sebagai perintis 5S. Hasil usaha hampir satu tahun telah menjadikan PMM berjaya dalam mempraktikkan 5S sebagai budaya dan strategi pengurusan kerja yang amat berkesan. Daripada pengalaman Jawatan Kuasa 5S PMM, kejayaan yang dicapai melibatkan semua peringkat atasan hinggalah bawahan termasuk kontraktor kebersihan. Pengisian ilmu 5S diterapkan kepada semua staf dengan kursus-kursus. Selain itu khidmat nasihat pakar dari luar dan lawatan juga dilakukan bagi memantapkan amalan 5S kerana budaya 5S memerlukan usaha yang berterusan dan mengekalkannya juga adalah merupakan satu cabaran. Nuradibah



Campus Leadership Camp



Pada 27 hingga 29 Mac 2009, Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kerjaya telah mengadakan program kepimpinan pelajar iaitu Campus Leadership Camp (CLC) bertempat di Kem Seri Kending, Rembau Negeri Sembilan. Program ini dimulakan dengan sesi ice-breaking dan pembentukan kumpulan serta pengenalan kepada ciri-ciri kepimpinan pelajar. Seramai 40 orang pemimpin pelajar jka telah menyertai program ini yang terdiri daripada wakil kelas dan pimpinan kelab jka. Dalam program CLC ini, pelajar diberikan pendedahan tentang 'Teknik Mengendalikan Aktiviti Pelajar' dan ceramah 'Kepimpinan Pelajar dan Cabaran Masa Kini' yang disampaikan oleh Encik Jufitri Johar iaitu Setiausaha Agung Majlis Belia Negeri Sembilan. Para peserta juga diberikan peluang untuk menguji ketahanan mental dan fizikal melalui aktiviti secara kumpulan iaitu Jungle Trekking ke Giant Tree, Night Walk, Egg Board dan Latihan Dalam Kumpulan di mana para peserta akan diminta menyediakan kertas kerja aktiviti pelajar jka yang bersangkutan dengan isu-isu pelajar jka itu sendiri. Secara keseluruhannya, program CLC ini telah dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam kepimpinan pelajar jka dan diharapkan dapat membantu Unit Kaunseling dan Kerjaya Jabatan dalam melahirkan pelajar yang berkualiti sama ada dari segi akademik, kerjaya mahupun sahsiah generasi sekarang dan akan datang. nrs



Tamadun Membina Ummah

Dalam dunia serba moden kini, masyarakat tidak seharusnya melupakan peristiwa yang berlaku pada masa lampau. Maka bertempat di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson, satu Seminar Tamadun Islam telah diadakan pada 28 Februari 2009 yang lalu. Dianggarkan seramai 900 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar kursus Sijil dan Diploma Semester 3 dan 4 telah menyertai seminar tersebut. Kehadiran penceramah Dr. Mohd Arip bin Kasmu dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah memberikan para peserta seminar satu perspektif baru dalam melihat kepentingan sejarah peradaban dalam membina ummah yang berkualiti selaras dengan pembangunan pesat masakini. -mAss-

Menyemai Sikap Kepimpinan di Kalangan Pelajar

Usaha berterusan untuk menyemai sikap kepimpinan dikalangan pelajar adalah salah satu daripada objektif utama Seminar Kepimpinan Pelajar yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam dengan kerjasama Unit Bimbingan dan Kaunseling kepada seramai 500 orang pelajar Semester 1. Seminar sehari yang berlangsung di Pusat Islam, Politeknik Port Dickson itu diadakan pada 7 Mac 2009 yang lalu. Para peserta seminar amat bertuah kerana dapat berkongsi ilmu dan menjalani pelbagai aktiviti bermanfaat dengan bantuan para penceramah jemputan serta konsultan yang dijemput bagi menjayakan seminar tersebut. -mAss-

Program Jatidiri Rakan Muda Anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Pada 30 Mei hingga 1 Jun 2009 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Sembilan (SPRMNS) telah menganjurkan Program Jatidiri Rakan Muda yang bertempat di Kompleks Rakan Muda Daerah Jempol, Negeri Sembilan. Program ini disertai oleh 3 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam iaitu USIM, Politeknik Port Dickson dan Institusi Perguruan Raja Melewar. Objektif program ini dijalankan adalah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan menyebarkan secara meluas maklumat anti rasuah sebagai pencegahan dalam kalangan generasi muda masa kini.

Program ini dimulai dengan taklimat, suaiaknal dan pembahagian kumpulan oleh pihak urusetia yang diketuai oleh Encik Zakaria bin Mohamad, pegawai dari BPR N.S. Program ini juga meliputi ceramah, LDK, sukan dan riadah, yang diselia oleh Pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan Daerah Jempol, En Abdul Hamid bin Zainal dan gotong royong. Majlis Makan Malam juga telah di adakan di mana pada malam itu setiap kumpulan diminta untuk membuat persembahan dan diberi penilaian markah bagi program yang dijalankan secara berkumpulan.

Pada hari terakhir majlis penutupan dan penilaian program telah diadakan. Para peserta berasa amat gembira terpilih untuk program ini kerana dapat menimba pengalaman daripada program yang dijalankan. Peserta dilepaskan pada jam 11.30 pagi dan bertolak ke IPTA masing-masing.



JKE Menyertai Pertandingan Robot Peringkat Kebangsaan 2009

Buat kali pertama, Ahli-ahli Kelab Rekacipta dan Inovasi Politeknik PD (KRIPPD) telah melibatkan diri dalam Pertandingan Robot peringkat Kebangsaan 2009 (ROBOCON 2009) yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPTM) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), SIRIM Bhd, dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Pertandingan ini diadakan pada 2 Mei hingga 10 Mei 2009 di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor bagi mewakili Malaysia ke Pertandingan Mencipta Robot ke Peringkat Antarabangsa di Tokyo, Jepun dan dianjurkan oleh Asia-Pacific Broadcasting Union (ABU). Aktiviti pertandingan ini bertujuan untuk menentukan juara bagi mewakili Malaysia ke peringkat antarabangsa. Kajian pembangunan dan penyelidikan ke atas pembinaan sistem robotik dan spesifikasinya telah dijalankan pada musim pertandingan yang lepas (semasa Sesi Januari 2008) oleh KRIPPD sebagai persediaan awal, sebelum prototaip sebenar dibuat oleh ahli-ahli kelab mengikut spesifikasi yang diberikan oleh pihak penganjur. Pertandingan ROBOCON 2009 ini turut disertai oleh pasukan-pasukan dari politeknik-politeknik Malaysia seperti POLIMAS, PSA, PKM dan PSIS (Behrang) selain pasukan-pasukan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) dan institut-institut kemahiran seluruh Malaysia. Penglibatan untuk pertandingan ini disasarkan kepada pelajar-pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE). Pelaksanaan projek ini dilakukan di bawah pimpinan En Mohd Zaini, En Mohd Izham, En Mohd Azkar dan Cik Aribah Shakimah. *msm*



Lawatan Akademik Menambahkan Pengetahuan Para Pelajar JKE

Pada 07 Mac 2009, Kelab Rekacipta dan Inovasi Politeknik PD (KRIPPD) mengadakan lawatan akademik ke Zulldesign Autotronic di Rawang, Selangor. Program lawatan ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan budaya rekacipta di kalangan pelajar Politeknik Port Dickson terutamanya dalam usaha membangunkan produk rekacipta dan teknologi tempatan. Lawatan ini telah mendapat penyertaan seramai 38 orang pelajar-pelajar semester 5 dan 6 dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik. *msm*



JKE Menganjurkan Pertandingan Projek Pelajar

Jabatan Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan Pertandingan Projek bagi sesi Januari 2009 bertempat di Ruang Legar Blok Akademik pada 8 Mei 2009. Antara objektif program adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar semester akhir khususnya untuk mempamerkan hasil projek mereka bagi tujuan pemilihan projek terbaik peringkat jabatan. Di samping itu, pertandingan sebegini juga diharapkan mampu menjadi platform dan wacana utama dalam usaha untuk memupuk budaya reka cipta dan kreativiti di kalangan semua pihak yang terlibat. Pertandingan projek ini telah diadili oleh panel penilai dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknikal Malaysia Melaka iaitu Encik Fairul Azhar Bin Abdul Shukor dan Tuan Hj Helmi Zakuan bin Harun Fahmi dari Kolej Komuniti Jejebu. Upacara penyampaian hadiah pula telah disempurnakan oleh Tuan Hj Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim, Pengarah Politeknik Port Dickson. Bagi pertandingan sesi ini, johan bagi peringkat diploma dimenangi oleh projek Auto Baby Swing manakala di peringkat sijil dimenangi oleh projek Pengesanan Kehadiran Pelanggan. *azi*




Bengkel Sains Juruteknik (Bhg 1 & Bhg 2)

Program Bengkel Teknik Menjawab Soalan Final B1004 Bahagian 1 dan Bahagian 2 ini dianjurkan oleh Unit Sains di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Aktiviti ini dijalankan khusus untuk para pelajar yang mengambil kursus Sains Juruteknik (B 1004) di Politeknik Port Dickson. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai format, bentuk soalan dan cara permakluman diberi untuk Peperiksaan Akhir.

Bengkel bahagian 1 dilaksanakan pada 20 Februari 2009 di DK 6. Fasilitator Bengkel bahagian 1 ini ialah Pn Fara Nur Asma bt Mohd Basri. Objektif bengkel bahagian 1 ini ialah bengkel ini tertumpu untuk Bab 1, 2 dan 3 iaitu Bab Units & Measurement, Force Dan Linear Motion, dan memudahkan pembelajaran dan mengaplikasikan kemahiran dalam kuliah dan ujian 1 selaras.

Bengkel bahagian 2 pula dilaksanakan pada 24 April 2009 di DK 6. Fasilitator Bengkel bahagian 2 ini ialah Pn Azyati bt Ibrahim. Bengkel ini menjurus kepada Topik 4 Work, Energy and Power dan Topik 5, Solid and

Fluids. Objektif bengkel bahagian 2 ini ialah bengkel ini tertumpu untuk Bab 4 dan 5 iaitu Bab Work, Energy and Power dan Solid and Fluids, dan memudahkan pembelajaran dan mengaplikasikan kemahiran menjawab dalam Peperiksaan Akhir. *Nuradibah*



Konvoi 40 Tahun Politeknik

SEREMBAN 7 Jun – Politeknik Port Dickson (PPD) akan menganjurkan Konvoi Sempena 40 Tahun Penubuhan Politeknik Malaysia pada 9 Jun ini.

Pegawai Perhubungan Awam PPD, Sabarudin Yeop Hamza berkata, seramai 150 peserta bakal menyertai konvoi tersebut dengan menaiki 24 kereta dan 10 motosikal berkuasa tinggi.

Katanya, konvoi berkenaan akan bermula di kawasan pekarangan PPD dan berakhir di Politeknik Ungku Omar (PUO), Ipoh, Perak. "Pelepasan kenderaan akan disempurnakan oleh Pengarah PPD, Mohd. Kharir Mohd. Ibrahim pada pukul 9 pagi," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.



NUR Syazwani Razali (kiri) dan Salizah Duasa bergambar bersama sijil dan piala masing-masing di Port Dickson, semalam.

Nur Syazwani, Salizah pelajar cemerlang Politeknik PD

PORT DICKSON 28 April – Seorang setiausaha, Nur Syazwani Razali, 21, menerima Anugerah Pengarah Politeknik peringkat diploma atas pencapaian cemerlangnya dalam akademik dan ko-kurikulum pada Majlis Konvokesyen ke-18 Julatan Jun 2008 Politeknik Port Dickson (PPD) di sini.

Beliau yang berasal dari Wangsa Maju, Kuala Lumpur memperoleh Diploma Sains Kesetiausahaan dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berkenaan dengan pencapaian Putera Nilai Grad Kumulatif (PNGK) 3.7. Anak sulung daripada lima beradik itu berkata, ibu bapanya yang bekerja sebagai kakitangan perkhidmatan awam merupakan pendorong utama kejayaannya.

"Saya berharap anugerah yang diterima ini menjadi perangsang kepada adik-adik yang masih bersekolah untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Katanya, walaupun sedang bekerja sebagai setiausaha di sebuah jabatan kerajaan, dia merancang melanjutkan pelajaran secara sambilan untuk memperolehi ijazah sarjana muda di IPTA tempatan dan seterusnya hingga ke peringkat doktor falsafah.

Nur Syazwani dan 906 graduan PPD yang lain menerima diploma dan sijil masing-masing yang disampaikan oleh Undang Luak Sungai Ujong, Datuk Klana Petra Mubarak Dohak.

Hadir sama Pengarah Bahagian Periklanan dan Penerimaan, Sektor Pengurusan Politeknik, Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Azizul Lij dan Pengarah PPD, Mohd Kharir Mohd Ibrahim.

Pada majlis yang sama, Julatan Sijil Kejuruteraan Elektrik dan Elektronikal, Salizah Duasa, 21, menerima Anugerah Pengarah Politeknik peringkat sijil.

Anak keenam pemroka di Felda Palong 9, Jempol itu merupakan yang pertama di antara tujuh beradik lain yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA dan lulus cemerlang dengan PNGK 3.55.

Tingkatkan jati diri, lahir graduan cemerlang

TELOK KEMANG – Perpustakaan Politeknik Port Dickson dan Kelab Sahabat Perpustakaan menganjurkan Motivasi Pelajar Cemerlang, Sah-siah Terbilang untuk sesi kedua Sinar Studi, Pembelajaran Berkeson.

Ketua Perpustakaan Politeknik Port Dickson, Norliza Mohd Nordin berkata, penuntut harus didorong untuk memjana minda mereka dalam usaha untuk melahirkan graduan cemerlang sekali gus menjadi modal insan gemilang bagi menerangi negara yang terbilang. "Gerakkan mereka dengan pelbagai aktiviti terutama yang memfokuskan untuk



● Penuntut mesti merebut peluang yang disediakan Politeknik Port Dickson.

"Selain itu, penuntut perlu seimbangkan kecemerlangan akademik dan pembinaan akhlak sahsiah diri," katanya.

reka perlu merebut peluang tersebut. Program tersebut dirasmikan, Timbalan Pengarah Sokongan



Kunjungan hormat Undang Luak Rembau ke PPD

TELOK KEMANG – Undang Luak Rembau, Datuk Lela Maharriz Dohak, Muhammad Sharif Othman menandatangani perjanjian kerjasama dengan Pejabat Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson (PPD), semalam.

Menerusi hantaran tersebut, Muhammad Sharif membolehkan agar penuntut memperoleh tumpuan ketika pembelajaran di dalam kelas dan juga terlibat dalam diorganisasi aktiviti tidak bermoral.

"Lajutan jika dalam pelajaran dan terus meningkatkan kajian agar kita hari nanti kita boleh mem-

capta atas menunjukkan satu standard berikhtik negara ini dan tidak bergantung kepada standard British menjadi panduan kepada bidang kejuruteraan di institusi pengajian di sini.

"Lajutan jika dalam pelajaran dan terus meningkatkan kajian agar kita hari nanti kita boleh mem-

peroleh satu hati kategori A pada Persediaan Raka Cipta anjuran Perbadanan Harta Inteltek Malaysia," katanya.

Muhammad Sharif turut berkenan memberikan sumbangan kepada Jabatan Kejuruteraan Awam sebanyak RM2,000.

Menerusi majlis tersebut, Muhammad Sharif turut menerima cenderamua berupa replika Balai Seri Lela Ruzmah Kediaman (Undang Luak Rembau) Ke-21 merupakan projek penuntut tahun akhir Jabatan Kejuruteraan Awam.



● HASSAN SIRAJ

906 graduan PPD sambut kejayaan

JADI GRADUAN. Seramai 906 pelajar Politeknik Port Dickson (PPD) cerea apabila masing-masing menerima diploma dan sijil pada Majlis Konvokesyen PPD yang ke-18 di Port Dickson baru-baru ini.

Majlis penyerahan diploma dan sijil kepada semua graduan tersebut telah dianjurkan oleh Undang Luak Sungai Ujong, Datuk Klana Petra Mubarak Dohak.

Pada majlis itu, Nur Syazwani Razali, 21, menerima Anugerah

Pengarah Politeknik peringkat diploma menandakan Julatan Sijil Kejuruteraan Elektrik dan Elektronikal, Salizah Duasa, 21, pula menerima anugerah sama bagi peringkat sijil.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengarah Bahagian Periklanan dan Penerimaan, Sektor Pengurusan Politeknik, Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Azizul Lij dan Pengarah PPD, Mohd. Kharir Mohd Ibrahim.



SEMBIRA. Sebahagian graduan PPD Port Dickson merayakan kejayaan mereka selepas majlis konvokesyen di Port Dickson baru-baru ini.

Warga Politeknik PD prihatin penderitaan Palestin

TELOK KEMANG – Penderitaan penduduk Palestin di Gaza yang menjadi mangsa kekejaman Israel terus mendapat simpati rakyat terutama menerusi sumbangan kewangan yang boleh membantu meringankan keperitan hidup.

kesengsaraan rakyat Palestin," katanya.

Meneruinya, apa yang penting bukan nilai sumbangan tetapi keikhlasan pihaknya untuk membantu.

"Kami bersimpati dengan apa yang harus ditempuhi penduduk Palestin terutama kanak-kanak yang tidak berdos. Hanya sumbangan ini yang mampu kami lakukan selain berdoa agar kesengsaraan mereka berakhir.

Politeknik Port Dickson turut menjalankan tanggungjawab tersebut dengan memberi sumbangan sebagai tanda keprihatinan mereka terhadap penderitaan masyarakat Palestin di Gaza.

Pengarahnya, Mohd Kharir Mohd Ibrahim, berkata, sumbangan ini adalah atas dasar kemanusiaan sejagat dan kami berasa terpanggil untuk turut serta memuatkan tanggungjawab membantu rakyat Palestin.

"Palestin bukan sekadar isu Islam, tetapi ia meliputi keseluruhan warga manusia yang masih waras dan tahu

"Dari semasa ke semasa Kakitangan dan Pegawai Politeknik akan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai isu Palestin kerana rata-rata pelajar kurang memahami sejarah dan perjuangan sebenar rakyat Palestin.

"Mereka hanya tahu perkembangan semasa tetapi tidak sejarahnya," katanya.

Politeknik PD dekatkan diri dengan rakyat

TELOK KEMANG – Politeknik Port Dickson yang baru sahaja menerima anugerah sebagai Politeknik Cemerlang dan Inovatif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, telah mengadakan program kemasyarakatan di Dewan Kalah PPD, semalam.

Majlis tersebut bertujuan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat sekitar dan meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.

Pada majlis tersebut, Datuk Klana Petra Mubarak Dohak, Menteri Besar, telah menyampaikan ucapan selamat kepada semua hadirin.

Politeknik Port Dickson telah menerima anugerah sebagai Politeknik Cemerlang dan Inovatif oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, yang merupakan satu pencapaian yang membanggakan.

Politeknik PD berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM5500 dan akan diserahkan kepada Kakitangan dan Pegawai Politeknik.

Politeknik PD berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM5500 dan akan diserahkan kepada Kakitangan dan Pegawai Politeknik.



ALBUM PPD

Sesi Januari - Jun 2009

Ruangan Editor & Rakabentuk



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.
 Bertemu kita kembali dalam Buletin PPD Sesi Jan 2009. Terima kasih diucapkan kepada AJK Buletin dan penyumbang berita untuk sesi kali ini dan ribuan kemaafan kepada berita yang tidak dapat dimasukkan kerana muka surat yang sangat terhad.

Dimaklumkan JMSK merupakan penyumbang berita terbanyak kali ini dan menepati kehendak yang telah ditetapkan. Tahniat JMSK!

Jika terdapat sebarang cadangan penambahbaik Buletin PPD boleh dipanjangkan kepada pengurus atau ketua editor.

Sekian, Terima Kasih. Selamat Membaca.

Ketua Editor & Rakabentuk Buletin PPD
 Shamsul Anwar & Shamsi



Sesi Januari 2009

Isi kandungan

1. Majlis Konvokesyen PPD Ke 18.
2. Ceramah Motivasi- Di mana Silapnya
3. Coursemate Smart Learning.
4. Pencarian Harta Karun.
5. Majlis Mencemar Kaus Teramat Mulia Dato' Undang Luak Rembau.
6. Program Asas Fasilitator.
7. Bicara Cinta Remaja Bersama Prof Azi Ali.
8. Bengkel Senibina Politeknik Malaysia Kali Ke 2.
9. Ceramah Pelajar Cemerlang Sahsiah Terbilang-Siri ke Dua (Smart Study).
10. Kursus Asas Membaca.
11. Lawatan Semester Akhir Ke ILSAS.
12. Kursus Adobe Photoshop.
13. Kursus Fotografi.
14. Khidmat Masyarakat UPIM ' Malam Air Mata Palestin'.
15. Semoga Bertemu Lagi.
16. Kepentingan Ilmu Fardu Kifayah.
17. Lets Join The Fun Of ELC.
18. Kunjungan Hormat Pengarah Politeknik Port Dickson Ke Bawah Kaus YTM Dato' Undang Luak Johol.
19. Temuduga Kerjaya Sempena Konvokesyen PPD.
20. Laporan Ice Breaking Unit Psikologi & Kelab Pembimbing Siswa.
21. Program 'Kem Pemantapan Peribadi Diri'.
22. Simposium Potensi Diri Di Bukit Fraser Pahang.
23. Hari Bersama Komuniti Anjuran JMSK
24. Hari Keluarga Jabatan Perdagangan Bersama Anak Yatim.
25. Mekanikal Juara Pertandingan Jatidiri dan Kawad Kaki Polibridged Jan 09'.
26. Seminar Kerjaya 'Personaliti Anggun Bergaya Profesional'.
27. Kunjung Bakti Kelab Pembimbing Rakan Siswa dan Unit Psikologi dan Kerjaya.
28. Kajian Persepsi Pelajar.
29. CALIS II Anjuran JKA.
30. Practice Makes Perfect!.
31. Makan Malam Mutiara Kasih.
32. Bengkel Nombor Kompleks .
33. Malam Penghargaan PRSP.
34. Campus Leadership Camp.
35. Tamdun Membina Ummah.
36. Menyemai sikap Kepimpinan Di Kalangan Pelajar.
37. Program Jatidiri Rakan Muda Anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.
38. Lawatan Akedemik Menambah Pengetahuan Para Pelajar JKE.
39. JKE Menganjurkan Pertandingan Projek Akhir.
40. Bengkel Sains Juruteknik (Bhg 1 & Bah 2).
41. Keratan Akbar dan Majalah.
42. Album PPD.

PERISTIWA DAN ISU SEMASA

Politeknik Port Dickson Terus Cemerlang

2009

